



SIARAN MEDIA

Bayaran RM2.38 bilion kepada 11.06 juta penerima BPN 2.0, termasuk pemohon baharu, mulai 21 Januari 2021

SIARAN MEDIA | 13 JANUARI 2021



Merujuk kepada pengumuman pelbagai jenis Perintah Kawalan Pergerakan (PKP, PKP Bersyarat dan PKP Pemulihan) oleh YAB Perdana Menteri pada 11 Januari 2021, Kementerian Kewangan ingin memaklumkan bahawa bayaran Fasa Kedua Bantuan Prihatin Nasional (BPN 2.0) kepada 11.06 juta penerima merangkumi 10.6 juta penerima BPN sedia ada, serta sekitar 460 ribu penerima baharu akan dipercepatkan. Penerima baharu tersebut telah diluluskan semasa tempoh permohonan/rayuan dibuka pada 15 Oktober hingga 15 November 2020 lalu.

Semakan kelulusan boleh dibuat mulai 15 Januari 2021 di portal rasmi BPN iaitu bpn.hasil.gov.my. Bayar ini akan disalurkan seperti berikut:

Jenis Penerima	Tarikh Pembayaran Mulai	Cara Pembayaran
B40	21 Januari 2021	Terus dikreditkan ke dalam akaun bank
M40	21 Januari 2021	Terus dikreditkan ke dalam akaun bank
Penerima tanpa akaun bank	25 Januari 2021	Di cawangan Bank Simpanan Nasional (BSN). Pihak BSN akan mengeluarkan panduan SOP dari semasa ke semasa
Penerima di Sabah dan Sarawak tanpa akaun bank	Mulai awal bulan Februari sehingga 1 April 2021	Lokasi-lokasi bakal diumumkan pada akhir bulan Januari

BPN 2.0 merupakan sebahagian daripada Kerangka Inisiatif Tambahan, Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (KITA PRIHATIN) bernilai RM10 bilion yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 23 September 2020 lalu. Inisiatif BPN 2.0 tersebut disalurkan melalui dua fasa pembayaran, iaitu pada bulan Oktober 2020 dan Januari 2021. Bayaran fasa kedua BPN2.0 ini akan disalurkan dengan pecahan seperti berikut:

Kategori & Pendapatan Bulanan	B40 Isi Rumah RM4,000 ke bawah	B40 Bujang RM2,000 ke bawah	M40 Isi Rumah RM4,001 hingga RM8,000	M40 Bujang RM2,001 hingga RM4,000	Jumlah
Fasa Pembayaran	RM1.21 bilion	RM0.7 bilion	RM0.29 bilion	RM0.18 bilion	RM2.38 bilion
Jumlah Penerima	3.81 juta	4.08 juta	1.43 juta	1.74 juta	11.06 juta

Secara keseluruhannya, **jumlah penerima BPN 2.0** merangkumi **11.06 juta penerima** (5.82 juta individu bujang, dan 5.24 juta penerima isi rumah) dengan **jumlah bayaran/peruntukan sebanyak RM7.18 billion setakat ini**.

Kerajaan sentiasa komited untuk memastikan bantuan yang diperuntukkan sampai kepada mereka yang disasarkan bagi menjamin kesejahteraan rakyat.

YB Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz

Menteri Kewangan Malaysia

13 Januari 2021

Lampiran 1

Mengenai Bantuan Prihatin Nasional 2.0

Bantuan Prihatin Nasional (BPN) 2.0 merupakan sebahagian daripada Kerangka Inisiatif Tambahan, Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (KITA PRIHATIN) bernilai RM10 bilion yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 23 September 2020 lalu. Jumlah bayaran BPN 2.0 akan disalurkan kepada penerima BPN yang layak mengikut jadual berikut:

Kategori & Pendapatan Bulanan	B40		M40	
	Isi Rumah RM4,000 ke bawah	Bujang RM2,000 ke bawah	Isi Rumah RM4,001 hingga RM8,000	Bujang RM2,001 hingga RM4,000
Jumlah Bantuan BPN 2.0	RM1,000	RM500	RM600	RM300
Penerima BPN Sedia Ada (Fasa Kedua)	RM300	RM150	RM200	RM100
Penerima Baharu BPN 2.0 (Bayaran Sekaligus)	RM1,000	RM500	RM600	RM300

 [Siaran Media](#)

 [Koleksi Ucapan](#)

 [Petikan Akhbar](#)

 [Foto](#)

 [Video](#)

 [Pengumuman](#)

 [Laporan LAKSANA](#)

 [Tender](#)

POPULAR TAGS

[BERNAMA](#)

[TENGGU ZAERUL](#)

[BAJET 2022](#)

[COVID-19](#)

[LAPORAN LAKSANA](#)

[TMK I](#)

[KELUARGA MALAYSIA](#)

[PENJANA](#)

[PRIHATIN](#)

[TEAM MOF](#)

[HARGA MINYAK](#)

[PRICE OF PETROLEUM](#)

Copyright © 2021 Kementerian Kewangan Malaysia. All Rights Reserved.

[Dasar Privasi](#)

[Dasar Keselamatan](#)

[Penafian](#)

[Peta Laman](#)

[Bantuan](#)
[Arkib](#)